



28 Disember 2016
28 December 2016
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR) 2016

*CUSTOMS (IMPORT LICENCE FEE FOR MOTOR VEHICLE)
REGULATIONS 2016*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KASTAM 1967

PERATURAN-PERATURAN KASTAM (FI LESEN IMPORT KENDERAAN BERMOTOR) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 142

Akta Kastam 1967 [Akta 235], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kastam (Fi Lesen Import Kenderaan Bermotor) 2016.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pengenaan fi lesen import

2. (1) Mana-mana syarikat AP terbuka yang diluluskan oleh pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diberi kuasa dan yang kepadanya suatu lesen import kenderaan bermotor telah dikeluarkan menurut perenggan 3 Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012 [P.U. (A) 490/2012] dan yang tertakluk kepada Garis Panduan Pentadbiran mengenai Lesen Import yang dikeluarkan oleh pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang diberi kuasa, hendaklah dikenakan fi lesen import sebanyak—

(a) bagi 35,000 lesen import yang pertama diluluskan, sepuluh ribu ringgit bagi setiap unit kenderaan bermotor yang diimport oleh syarikat AP terbuka itu; dan

(b) bagi lesen import yang seterusnya diluluskan, dua puluh ribu ringgit bagi setiap unit kenderaan bermotor yang diimport oleh syarikat AP terbuka itu.

(2) Bagi maksud peraturan ini, kenderaan bermotor tidak termasuk motosikal.

Bayaran ansuran

3. (1) Ketua Pengarah boleh membenarkan fi lesen import yang dikenakan di bawah subperaturan 2(1) dibayar secara ansuran.

(2) Bayaran ansuran bagi fi lesen import yang dikenakan hendaklah dibuat mengikut cara yang berikut:

- (a) syarikat AP terbuka hendaklah membayar sebanyak lima ribu ringgit yang pertama bagi setiap lesen import yang dikeluarkan bagi setiap unit kenderaan bermotor; dan
- (b) baki fi lesen import yang dikenakan bagi setiap lesen import yang dikeluarkan bagi setiap unit kenderaan bermotor hendaklah dibayar—
 - (i) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport itu dijual dalam tahun semasa, sebelum pendaftaran kenderaan bermotor itu di Jabatan Pengangkutan Jalan; atau
 - (ii) sekiranya kenderaan bermotor yang diimport tidak dijual dalam tahun semasa, sebelum tempoh sah lesen import bagi tahun semasa yang diperuntukkan kepada syarikat AP terbuka itu tamat.

(3) Sekiranya berlaku kemungkiran pembayaran di bawah perenggan (2)(b) pada tarikh bayaran itu genap masa dan kena dibayar, keseluruhan baki fi lesen import yang tertunggak bagi setiap lesen import yang dikeluarkan hendaklah menjadi genap masa dan kena dibayar pada tarikh itu dan, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan, syarikat AP terbuka itu atau orang yang bertanggungan untuk membayar amaun yang kena dibayar itu, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada dua ribu lima ratus ringgit dan tidak melebihi dua puluh ribu ringgit bagi setiap lesen import yang dikeluarkan.